

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 2000/2001

September/Oktober 2000

HKT 501 - Teori Dan Kritikan Sastera

[Masa: 3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada Bahagian A dan DUA [2] lagi daripada Bahagian B. SEMUA soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A:

1. Seseorang dramatis tidak semestinya mengikut pendapat Aristotle dalam penulisan drama tragik. Dengan merujuk kepada pernyataan ini, bincangkan sejauh manakah seseorang dramatis pilihan anda sama ada dari zaman Yunani ataupun zaman lain telah berjaya menghasilkan drama tragik yang berkesan?
2. Dengan merujuk kepada 3 (tiga) buah sajak Romantis, huraikan pembaharuan isi dan teknik yang dibawa oleh penyair-penyair Romantis yang juga adalah pengkritik sastera.
3. Bagi golongan formalis Rusia, "penyimpangan" dan "penganehan" (*ostranenie*) adalah ciri-ciri penting di dalam penciptaan sesebuah karya kesusasteraan. Dengan merujuk kepada pernyataan ini, bincangkan implikasi-implikasi pemikiran formalis Rusia terhadap (a) perhubungan teks dan realiti, dan (b) peranan pengarang dan pembaca.
4. Dengan menghayati mana-mana sebuah novel atau 2 (dua) buah sajak, bincangkan bagaimana semiotik mempertajamkan analisis teks terpilih.

BAHAGIAN B:

5. Huraikan hubungan di antara teori *rasa* dan *rasa*-fenomenologi. Berdasarkan sebuah karya yang sesuai bincangkan bagaimana teori *rasa*-fenomenologi dapat diaplikasikan sebagai satu teori bacaan estetik.
6. Huraikan empat aspek penting di dalam pendekatan dekonstruksi. Dengan merujuk kepada cerpen "Telor" karya Putu Wijaya, bincangkan empat aspek itu
7. Historisme Baru melihat budaya sebagai satu fenomena yang tidak stabil. Merujuk kepada kajian Stephen Greenblatt, bincangkan kenyataan di atas. Seterusnya nyatakan persamaan dan perbezaan di antara dekonstruksi dengan Historisme Baru.
8. Bincangkan pandangan kajian budaya terhadap kajian kesusasteraan. Seterusnya jelaskan ruang kajian kesusasteraan mengikut perspektif kajian budaya.